

## **Polisi Privasi**

Tuan/Puan,

Syarikat Fendi Fashion (Malaysia) SDN BHD ("Fendi") memberikan anda informasi-informasi yang berikut mengenai pemrosesan data peribadi anda yang dikumpulkan dari permulaan hubungan anda dengan Fendi. Kami memproses data peribadi anda dengan penggunaan dan tanpa penggunaan alat-alat elektronik, selaras dengan undang-undang privasi yang terpakai, termasuk bagi tujuan mengekalkan sekuriti yang secukupnya. Data tersebut mungkin digunakan untuk mengemaskinikan dan membetulkan informasi yang telah dikumpulkan sebelum ini daripada pelanggan-pelanggan kami.

1. Anda boleh memberikan data peribadi anda kepada Fendi dengan mengisikan kad pelanggan kami, semasa perbualan-perbualan informal sewaktu mengunjungi kedai-kedai kami atau berinteraksi dengan Fendi, serta melalui laman-laman web Fendi, fungsi-fungsi internet dan aplikasi-aplikasi telefon mudah alih. Selaras dengan undang-undang privasi, kami juga boleh mengumpulkan data peribadi anda daripada pihak-pihak ketiga dalam menjalankan aktiviti-aktiviti kami. Fendi memproseskan data peribadi anda untuk tujuan-tujuan yang berikut:

- a) pengurusan jualan produk-produk kami, servis jualan dan servis selepas jualan, contohnya aktiviti-aktiviti pentadbiran, perakaunan, pemulangan, jaminan, pencegahan penipuan, pengurusan hubungan pelanggan;
- b) pematuhan kewajipan undang-undang (termasuk undang-undang pencegahan pengubahan wang haram) dan penguatkuasaan hak-hak kami;
- c) kajian pasaran, analisis dan aktiviti-aktiviti promosi dan pemasaran yang dijalankan melalui kiriman surat secara tradisional, emel, telefon, faks, surat berita, mesej/SMS dan mesej MMS, termasuk penghantaran berkala bahan-bahan pemasaran tentang produk-produk, servis-servis dan promosi-promosi dalam dunia Fendi yang dengan khususnya didedikasikan kepada anda, termasuk acara-acara yang dianjurkan oleh Fendi, atau yang disertai oleh Fendi serta jemputan-jemputan kepada acara-acara tersebut;
- d) penggubahan profil kumpulan dan individu – memahami minat, pilihan dan sejarah pembelian anda.

Sekiranya anda memberikan informasi peribadi pihak-pihak ketiga kepada kami (contohnya, ahli-ahli keluarga anda, pelanggan lain atau bakal pelanggan Fendi), anda harus memastikan bahawa pihak-pihak ketiga tersebut dimaklumkan tentangnya dan mereka membenarkan penggunaan data mereka seperti yang diterangkan dalam polisi privasi ini.

2. Kakitangan sah kami boleh mengakses data peribadi anda. Kami juga akan kongsi maklumat anda kepada pihak-pihak ketiga yang berikut:

- a) entiti awam dan pihak berkuasa untuk aktiviti-aktiviti institusi mereka dan seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang yang harus kami patuhi, termasuk pihak-pihak ketiga sekiranya terdapat operasi luar biasa (penggabungan, pengambilalihan, pemindahan aset) dalam aktiviti-aktiviti perniagaan kami;
- b) pihak-pihak ketiga yang kami gunakan untuk memberi servis teknikal dan servis organisasi sebagai fungsi untuk tujuan-tujuan yang diterangkan di atas, seperti perunding, juga berhubungan dengan, syarikat-syarikat penghantaran, untuk pemasaran, analisis pasaran dan perkhidmatan penyelidikan, pengurusan pembayaran, sistem pengurusan informasi, dan sebagainya;
- c) syarikat-syarikat yang bersekutu dengan Fendi atau di bawah kawalan umum untuk kesemua tujuan-tujuan yang diuraikan di bawah perkara 1 di atas.

Fendi hanya akan memberikan informasi yang diperlukan sahaja kepada pihak-pihak ketiga yang disenaraikan di atas untuk menjalankan tugas-tugas yang relevan; mereka bertindak sebagai pengawal-pengawal atau pengolah-pengolah data, mengikut kes. Ia adalah difahami bahawa, melainkan apa yang dinyatakan di bawah huruf 2. c) di atas, Fendi tidak akan berkongsi data peribadi anda dengan pihak-pihak ketiga untuk tujuan aktiviti-aktiviti pemasaran mereka yang tersendiri dan/atau menyelidik minat-minat anda. Sesetengah daripada subjek-subjek yang disenaraikan di atas, contohnya syarikat-syarikat yang bersekutu dengan Fendi atau di bawah kawalan umum, yang mungkin akan ditubuhkan di luar negara, di negara-negara yang tidak memberikan tahap perlindungan data yang mencukupi seperti di negara anda. Fendi memindahkan data ke luar negara setelah mengamalkan langkah-langkah berjaga-jaga yang ditetapkan oleh undang-undang privasi yang terpakai.

# FENDI

ROMA

3. Fendi Fashion (Malaysia) SDN BHD adalah pengawal data, yang boleh dihubungi di Suite 1005, 10th Floor Wisma Hamzah-Kwong Hing, No.1 Leboh Ampang, 50100 Kuala Lumpur. Emel: [retail.customers@it.fendi.com](mailto:retail.customers@it.fendi.com).

Anda boleh menghubungi kami di alamat yang tertera di atas untuk mendapatkan senarai terkini pihak-pihak ketiga yang kami kongsi data peribadi anda kepada dan untuk menguatkuasakan hak-hak privasi anda pada bila-bila masa, contohnya untuk mengakses data anda, memohon data anda dikemaskinikan, dipinda, dikeluarkan dan anda boleh membantah penggunaan data anda untuk tujuan-tujuan pemasaran.

Anda tidak diwajibkan untuk memberi kami data peribadi anda, namun, tanpa data peribadi anda, kami tidak dapat memberikan anda servis jualan dan servis selepas jualan, atau memberikan anda informasi tentang produk-produk, servis-servis dan promosi-promosi kami.”